



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA  
MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS  
KEWANGAN TAHUN 2022**

---

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

## KANDUNGAN

1. TUJUAN .....	1
2. LATAR BELAKANG .....	1
3. PELAKSANAAN.....	2
4. HAL-HAL LAIN.....	5
5. TARIKH KUAT KUASA .....	5
6. PEMAKAIAN .....	6

JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.3 (11)



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/ Jabatan mengenai peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kerajaan telah menetapkan kadar Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 adalah sebanyak RM700 kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai lantikan kontrak *Contract For Service (CFS)*, pegawai sambilan harian dan lantikan MySTEP.
- 2.2 Kadar Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak RM350 dipanjangkan pemberiannya kepada pesara Kerajaan (pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara KWSP, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen).
- 2.3 Surat Pekeliling ini disediakan selaras dengan peraturan berikut:
  - 2.3.1 Surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO(S)600-9/1/1 JLD.4 (5) bertarikh 13 Disember 2021 – Bantuan Khas Kewangan 2022.
  - 2.3.2 Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.800-3/2/1(32) bertarikh 20 Disember 2021 – Bantuan Khas Kewangan 2022.
  - 2.3.3 Surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.DS(S)600-40/3/3(31) bertarikh 24 Disember 2021 – Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 berkaitan *Contract For Service (CFS)*.

- 2.3.4 Surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.TAX(S)700-1/3/14(2) JLD.2(2) bertarikh 28 Disember 2021 – Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022.

### **3. PELAKSANAAN**

Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) ini hendaklah dibaca bersama SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang berkuat kuasa. Pelaksanaan tatacara perakaunan bagi Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 adalah seperti berikut:

#### **3.1 Tarikh Pembayaran**

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini akan dibayar bersama dengan bayaran emolumen bulan Januari iaitu pada **25 Januari 2022 (Selasa)**.

#### **3.2 Peruntukan Untuk Membayar Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022**

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 menggunakan peruntukan tahun 2022. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

#### **3.3 Semakan Ke Atas Pegawai Yang Layak Menerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022**

Selaras dengan surat daripada JPA rujukan JPA.800-3/2/1(32) bertarikh 20 Disember 2021, Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab menyemak teliti dan memastikan dokumen sokongan adalah lengkap bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dipatuhi termasuk perkara berikut :

- 3.3.1 Pegawai yang tidak mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap selain atas sebab kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya telah melengkapkan dos imunisasi COVID-19 selewat-lewatnya pada 31 Mac 2022.
- 3.3.2 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

### 3.4 Kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022

Terdapat dua (2) kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 iaitu melalui:

#### 3.4.1 Bayaran melalui Sistem Emolumen Berkomputer

##### (1) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan (AO)

- i. Mengeluarkan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan** kepada PTJ;
- ii. Mengemaskini data Penerima Bayaran Bantuan Khas di dalam sistem setelah PTJ mengesahkan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan**; dan
- iii. Memproses Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022.

##### (2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- i. Menyemak **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan**. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut;
- ii. Mengemukakan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan** yang telah disahkan kepada Pejabat Perakaunan; dan
- iii. Mengutip **semua amaun** yang telah dibayar kepada pegawai yang **tidak layak** menerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan 2022 dengan kaedah berikut:
  - a. Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas adalah tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan. Tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran emolumen bulan berikutnya bagi pegawai yang masih berkhidmat;
  - b. Kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2022;
  - c. Kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai bagi pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2022 sehingga 25 Januari 2022; dan

- d. Kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai bagi pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan.

### **3.4.2 Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E)**

#### **(1) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan**

Pejabat Perakaunan hendaklah memantau dan mendapatkan pengesahan PTJ untuk memastikan PTJ menyempurnakan Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) bagi pegawai yang tiada dalam Sistem Emolumen Berkomputer.

#### **(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew. 330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dan dokumen sokongan yang lain.
- ii. Memastikan pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) menerima bayaran pada 25 Januari 2022.
- iii. PTJ hendaklah memastikan tiada kecaciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E).

3.5 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 akan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

3.6 Potongan ke atas Cukai Pendapatan, Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) tidak dilaksanakan tertakluk seperti berikut:

#### **3.6.1 Cukai Pendapatan**

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 tidak akan dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

#### **3.6.2 Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini adalah tidak termasuk di bawah definisi "Upah" sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452).

Sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

### 3.6.3 Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini tidak perlu dicarumkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

### 3.7 Kod Urus Niaga

Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 adalah seperti berikut:

<b>Kod Elaun (Payroll)</b>	<b>Kod Akaun</b>	<b>Perihal Kod</b>
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

## 4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)  
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
 Aras 4, Kompleks Kementerian Kewangan  
 No.1, Persiaran Perdana  
 62594, Presint 2  
 Putrajaya  
 u.p : Unit Pengurusan Prestasi  
 Email : unit\_prestasi@anm.gov.my  
 No. Tel : 03-8882 1624/1612/1622/1611

## 5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

## 6. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi bagi memastikan Bayaran Bantuan Khas Kewangan 2022 dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A.(M))  
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PUTRAJAYA

☞ Januari 2022

s.k:

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Ketua Audit Negara  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Akauntan Kementerian  
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Semua Akauntan Negeri/Bendahari Negeri  
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)